

UNSUR ISLAM DALAM REKAAN PAKAIAN TRADISONAL MASYARAKAT MELAYU KAUM LELAKI

THE ISLAMIC ELEMENTS IN TRADITIONAL CLOTHING DESIGNS OF MEN'S MALAY COMMUNITY

Sri Qamariah Mohd Samsir^{1*}
Nor Azita Che Din²

¹Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Shah Alam, Malaysia.
(E-mail: sriqamariah@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Shah Alam, Malaysia.
(E-mail: norazita@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024
Revised date : 23-7-2024
Accepted date : 15-8-2024
Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Samsir, S. Q. M., & Din, N. A. C. (2024). Unsur Islam dalam rekaan pakaian tradisonal masyarakat melayu kaum lelaki. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 139 – 147.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat unsur Islam dalam rekaan pakaian tradisonal masyarakat Melayu bagi kaum lelaki. Terdapat dua jenis rekaan pakaian tradisonal kaum lelaki masyarakat Melayu yang masih wujud hingga kini dan masih menjadi pilihan untuk digayakan di majlis-majlis tertentu dan perayaan utama masyarakat Melayu iaitu baju Melayu Cekak Musang dan baju Melayu Teluk Belanga. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur Islam dan maksud tersirat dalam setiap rekaan pakaian tradisonal masyarakat Melayu bagi kaum lelaki. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan temu bual. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat unsur Islam pada satu (1), lima (5) dan tujuh (7) butang baju Melayu yang melambangkan ketauhidan, rukun Islam, lapisan langit dan bumi serta lapisan syurga dan neraka. Manakala, 3 saku melambangkan Iman, Islam dan Ihsan yang merujuk kepada kesempurnaan. Tidak lengkap pemakaian baju Melayu tanpa samping yang membawa maksud kesungguhan menjaga syahwat, aurat dan maruah. Ciri-ciri rekaan baju Melayu juga adalah menutup aurat, longgar dan tidak ketat, tidak mengubah fitrah jantina, membawa imej yang baik dan sopan serta merupakan pakaian yang elok dan cantik. Kesimpulannya, rekaan pakaian tradisonal kaum lelaki masyarakat Melayu penuh dengan unsur Islam yang membawa kepada citra dan keindahannya tersendiri.

Kata kunci: Unsur Islam, Rekaan Pakaian Tradisonal, Masyarakat Melayu, Kaum Lelaki

Abstract: This study aims to look into the Islamic elements in the design of traditional Malay clothing for men. There are two designs of traditional Malay men's clothing that still exist until today and they are still being chosen to be styled on certain occasions and the main celebrations of the Malay community, namely the baju Melayu Cekak Musang and the baju Melayu Teluk Belanga. The objective of this study is to identify Islamic elements and the implied meaning in

each traditional Malay community clothing design for men. A qualitative approach was employed involving library and interview methods. It was found that there were Islamic elements on one (1), five (5) and seven (7) buttons of the Malay shirt which symbolized monotheism, the pillars of Islam, the layers of skies and earth as well as the layers of heavens and hells. Meanwhile, 3 pockets symbolized Faith, Islam and Ihsan which refer to perfection. It is not complete to wear a Malay clothing without samping which means the seriousness of guarding lust, modesty and dignity. The characteristics of Malay clothing design also cover the private part, loose and not tight, does not change the nature of gender, carries a good and polite image and is a good and beautiful clothing. In conclusion, the traditional clothing design of the Malay community is full of Islamic elements that has its own image and art.

Keywords: Islamic Elements, Traditional Clothing Designs, Malay Society, Malay Men, *Baju Melayu*

Pengenalan

Pakaian tradisional masyarakat Melayu kaum lelaki merupakan satu bentuk seni yang kaya dengan nilai-nilai budaya dan agama. Pengaruh unsur Islam telah memberikan dimensi yang mendalam terhadap rekaan pakaian tradisional ini yang mana ia mencerminkan hubungan erat antara keagamaan dan kebudayaan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Tidak hanya sekadar pakaian, tetapi juga membawa makna simbolik yang mendalam terutamanya apabila dilihat daripada perspektif Islam. Unsur Islam dalam rekaan baju Melayu kaum lelaki menggambarkan nilai-nilai agama, kebudayaan dan identiti yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Melalui penggunaan simbol dan pengaruh daripada ajaran Islam, rekaan baju Melayu tidak hanya menjadi pakaian harian, tetapi juga menjadi satu bentuk penghayatan spiritual dan kepatuhan kepada prinsip-prinsip agama.

Unsur Islam tercermin dalam setiap aspek rekaan baju Melayu kaum lelaki terutamanya pada hiasan kancing, poket dan samping sebagai pelengkap penampilan. Rekaan baju Melayu pada zaman Melayu Melaka agak singkat dan ketat. Kemudian berlaku evolusi yang mana baju ketat dan berseluar singkat itu berubah kepada longgar dan labuh atas persetujuan sultan (Mohd Rosli Saludin, 2019). Menurut catatan Sejarah Melayu, baju yang sempit dan pendek telah dilonggarkan dan dilabuhkan oleh Temenggung Tun Hassan (Siti Zainon Ismail, 2006). Evolusi ini menggambarkan bagaimana Masyarakat Melayu tradisional menerapkan nilai Islam dengan menjaga aurat yang telah digariskan dalam Islam. Walaupun berlaku perubahan, tetapi tujuan penghasilan baju Melayu masih sama iaitu lambang identiti bangsa dan merupakan terjemahan perlakuan bangsa yang sangat berhemah melalui gaya pemakaiannya.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini memberikan pandangan yang luas dan mendalam terhadap pengaruh Islam dalam rekaan pakaian tradisional masyarakat Melayu kaum lelaki, merentasi bidang berbeza. Dengan menggabungkan perspektif dari etnografi, sejarah dan sosiologi, kajian ini membantu memahami unsur Islam terhadap pakaian tradisional dalam mengekalkan dan menyebarkan nilai-nilai Islam dan budaya dalam masyarakat Melayu.

Secara umumnya pemakaian baju Melayu kerap kali dikaitkan dengan kesopanan adat resam budaya Melayu. Ini dapat dibuktikan bahawa pengayaan baju Melayu bukan satu kebetulan tetapi mempunyai falsafah Islam yang didukung oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Tenas Effendy (2004) dalam Asliza Aris et. al (2015) menggariskan lima etika cara berpakaian

orang Melayu yang mencerminkan kesempurnaan rekaan pakaian Melayu khususnya pada baju kurung yang dipakai oleh kaum lelaki. Kelima-lima etika tersebut ialah pantang membuka aurat, pantang terlalu nipis, pantang terlalu ketat, pantang mengada-ada dan pantang memandaimandai. Ciri-ciri lain untuk pakaian orang Melayu mestilah tidak menunjukkan bentuk badan atau bayang, tidak menggunakan kain nipis sehingga menampakkan warna kulit serta pakaian lelaki tidak menyerupai wanita dan begitulah sebaliknya (Asliza Aris, 2015). Etika ini juga terpakai bagi baju kurung yang digayakan oleh kaum perempuan. Pada masa yang sama baju Melayu yang dipadankan dengan seluar berpotongan lebar pada bahagian cawatnya merupakan ciri khas pakaian orang Islam (Siti Zainon Ismail, 2006).

Menurut Akmal Mohd Zain (2006) jika dilihat dari perspektif Islam, tujuan berpakaian adalah untuk menutup aurat dan berhias-hias. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

Terjemahan: Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan.

(Al-A'raf:26)

Pada awalnya pakaian lebih bersifat sebagai kegunaan khusus untuk perlindungan dan memelihara anggota badan daripada sebarang keadaan cuaca serta persekitaran (Maziah Ab Rashid, 2005). Namun, selepas kedatangan Islam telah berlakunya perubahan dalam cara pemakaian masyarakat Melayu khususnya apabila mereka telah mula mengamalkan pemakaian yang menutup aurat (Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi, 2006).

Salah satu identiti sesebuah masyarakat dapat dikenal pasti melalui cara mereka berpakaian. Bangsa Melayu di nusantara juga tidak terlepas daripada konsep ini. Setiap pakaian yang dikenakan oleh masyarakat Melayu mempunyai makna dan fungsi yang tertentu (Aszulhida Aman et. al, 2019). Rekaan pakaian yang dihasilkan mempunyai nilai keindahan dan etika masyarakat yang mendukungnya. Hasma Ahmad et. al (2015) menyatakan bahawa pakaian Melayu adalah salah satu objek budaya yang merupakan 'reka bentuk' baharu Melayu terhadap identiti dan budaya. Penampilan atau identiti ini mempunyai unsur simbolik atau semiotik dalam pakaian yang membawa maksud tersirat serta menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan budaya serta nilai-nilai murni masyarakat Melayu.

Busana masyarakat Melayu tidak dicipta sambil lewa tetapi rekaannya berlandaskan kepada beberapa prinsip adat dalam kehidupan (Aszulhida Aman, Ros Mahwati Ahmad Zakaria dan Zuliskandar Ramli, 2022). Ia dianggap sebagai busana yang membawa lambang kesopanan dan ketamadunan orang Melayu. Selain itu, rekaannya juga menerapkan nilai budaya Melayu yang mementingkan kepada adab dan agama Islam sebagai pegangan hidup. Walaupun rekaannya ringkas, tetapi dari segi nilai dan fungsinya dalam kehidupan masyarakat Melayu sangat menitikberatkan kesopanan terhadap pemakainya. Asliza Aris (2014) turut menegaskan bahawa kebiasaan orang Melayu akan menggambarkan kehidupan, citarasa dan kedudukan yang baik dengan simbolik makna sebagai metafora melalui cara mereka berpakaian.

Menurut Norulzaila Ismail et. al (2019) kewajipan masyarakat Melayu yang beragama Islam ialah menutup aurat dengan sempurna berdasarkan kehendak syariat. Imam Nawawi berkata:

ستر العورة واجب

Terjemahan: Menutup aurat adalah wajib.

(Al-Majmuk Syarh al-Muhazzab 3/165)

Ia merupakan prinsip utama dan penting yang perlu diberi perhatian terutamanya bagi golongan wanita. Golongan wanita dan lelaki wajib menutup aurat apabila seseorang itu telah mencapai usia baligh. Mereka akan dihormati dan dipandang mulia apabila menutup aurat dengan sempurna.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan temu bual. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang berkaitan dengan carian maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Manakala kaedah temu bual yang digunakan dalam kajian ini melibatkan seorang informan bagi membantu mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti unsur Islam dan maksud tersirat dalam setiap rekaan pakaian tradisional masyarakat Melayu bagi kaum lelaki.

Baju Melayu

Secara umumnya, baju Melayu dipakai oleh kaum lelaki di Nusantara. Dikatakan baju Melayu telah wujud sekitar tahun 1800 dan mula direka ketika zaman kesultanan Melayu Melaka di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Shah iaitu Sultan Melaka yang kedua. Bentuk baju Melayu adalah longgar dan dipadankan dengan seluar atau kain sarung. Terdapat dua rekaan baju Melayu bagi kaum lelaki iaitu baju Melayu cekak musang dan baju Melayu teluk belanga. Perbezaan bagi kedua-dua rekaan baju Melayu ini ialah pada potongan leher dan kancingnya. Bagi cekak musang, lehernya agak tinggi atau tegak. Kancingnya lima (5) atau tujuh (7) mengikut kepada taraf si pemakai. Manakala teluk belanga lehernya berbentuk bulat dan terdapat belahan di bawahnya seperti baju kurung yang dipakai oleh orang perempuan. Dahulunya baju Melayu juga dikenali dengan baju kurung. Untuk membezakan penggunaan baju kurung ini, maka untuk lelaki dipanggil sebagai baju Melayu (Asliza Aris, Norwani Md Nawawi & Saemah Yusof, 2015).

Baju Melayu teluk belanga telah diperkenalkan oleh Sultan Abu Bakar di Telok Belanga, Singapura. Teknik jahitan leher teluk belanga menggunakan jahitan tulang belut. Simbol jahitan tulang belut pada baju teluk belanga melambangkan kesepakatan yang mana nilai ini sangat dititikberatkan dalam masyarakat. Teksturnya yang kemas dan kukuh menjadikan jahitan tulang belut antara kemas leher yang juga sering digayakan pada baju kurung bagi kaum perempuan. Potongan teluk belanga lebih terkenal di selatan negara, manakala potongan cekak musang di kawasan tengah dan utara Malaysia. Oleh hal yang demikian, baju Melayu teluk belanga juga dikenali sebagai baju kurung Johor (Dayang Suhaina Megat Ali, 2012).

Kancing Baju Melayu

Dalam masyarakat Melayu, terjemahan simbolik kancing baju Melayu dikaitkan dengan unsur Islam. Kancing juga dikenali sebagai butang. Bagi baju Melayu cekak musang, kancingnya ada lima iaitu dua bertindih pada cekak leher dan tiga lagi pada belahan bawah leher. Lima (5) butang ini melambangkan rukun Islam yang merupakan tiang kepada agama Islam seperti yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar RA:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ
الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Terjemahan: Islam itu didirikan atas lima (perkara); penyaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan puasa di bulan Ramadan.

(Bukhari dan Muslim)

Begitulah juga lima butang pada baju Melayu ini membawa lambang kepada mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat fardu lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadan, membayar zakat dan mengerjakan haji bagi mereka yang mampu. Dua butang yang terasing itu sendiri merujuk kepada mengucap dua kalimah syahadah dan solat lima waktu. Dikatakan bahawa jika memakai baju Melayu berkancing tiga sahaja, maka falsafah di sebalik menegakkan rukun Islam melalui pakaian tidak tercapai.

Dahulu kala baju Melayu berkancing tujuh (7) hanya dipakai oleh golongan bangsawan. Rakyat biasa pula hanya memakai baju Melayu berkancing kurang daripada tujuh (Mohd Rosli Saludin, 2019). Ini adalah salah satu cara masyarakat dahulu menghormati golongan bangsawan. Tujuh kancing ini membawa maksud tujuh lapisan bumi serta tujuh tingkat syurga dan neraka. Tujuh kancing ini dikatakan bertujuan untuk mengingatkan golongan bangsawan kepada Allah yang Maha Esa (Mohd Rosli Saludin, 2019). Bagi baju Melayu teluk belanga pula terdapat satu kancing tunggal. Satu kancing membawa maksud Tuhan yang Esa iaitu Allah yang satu. Ia juga simbolik kepada ketauhidan.

Poket atau Saku Baju Melayu

Rekaan baju Melayu kebanyakannya mempunyai 3 saku di hadapan. Satu di bahagian atas sebelah kiri, dua lagi di bahagian bawah baju. Ketiga-tiga saku ini melambangkan Iman, Islam dan Ihsan yang membawa maksud kesempurnaan. Tiga prinsip kesempurnaan ini menjadi asas utama agama yang mana ia mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia yang terkandung di dalamnya ibadah yang menjadi tujuan hidup manusia (Zakaria & Azhari, 2022). Jika ditinggalkan salah satu daripada tiga prinsip ini, ia akan mengurangkan atau mencatatkan sifat keseragaman (al-Ghumari dalam Zakaria & Azhari, 2022).

Inilah bukti yang menunjukkan orang dahulu kala sangat menjunjung Islam dan leluhurnya. Menurut catatan sejarah, rekaan kancing dan saku adalah disebabkan oleh baginda sultan yang sangat menitikberatkan elemen budaya yang mempunyai maksud. Dua elemen ini iaitu kancing dan saku sangat penting bagi menggambarkan ketertiban dan kekukuhan bangsa Melayu dengan sifat-sifat yang baik.

Samping Sebagai Pelengkap Gaya

Samping atau kain dagang merupakan sejenis kain sarung yang dipakai di luar seluar pada baju Melayu yang diikat dari pinggang hingga ke paras lutut sahaja. kebiasaannya samping diperbuat daripada fabrik songket. Ada yang menggunakan kain sarung pendek sebagai samping. Pemakaian samping melambangkan kesungguhan si pemakai menjaga syahwat, aurat dan maruah. Memakai baju Melayu tanpa samping kelihatan sangat janggal kerana maksud tersirat yang dibawa oleh samping itu sendiri. Cara orang dahulu kala menunjukkan seseorang lelaki itu masih bujang atau sudah berkahwin juga melalui cara pemakaian samping. Dikatakan bahawa pemakaian samping di bawah lutut bermaksud si pemakai sudah berkahwin, manakala di atas lutut si pemakai masih bujang.

Dikatakan juga lipatan samping yang dipakai perlu mengikut tertib dan aturannya yang mana lipatan kanan hendaklah di sebelah atas, manakala lipatan kiri di sebelah bawah. Lipatan ini sebenarnya merujuk kepada perbuatan *qiam* dalam solat yang mana tangan kanan di atas dan tangan kiri di bawah. Ini membuktikan bahawa Islam merupakan unsur penting dalam kehidupan orang Melayu sehinggakan pada rekaan pakaian dan cara pemakaiannya juga wujud unsur tersebut.

Menutup Aurat

Menutup aurat adalah wajib bagi setiap orang Islam tidak kira lelaki mahupun perempuan. Kewajipan menutup aurat ini sudah termaktub di dalam al-Quran dan hadis. Rekaan baju Melayu juga menekankan elemen menutup aurat. Menutup aurat merupakan salah satu kewajipan dalam Islam. Melihat kepada rekaan baju Melayu jelas terlihat elemen menutup aurat yang sebenar. Menutup aurat adalah salah satu bukti ketaatan dan ketakwaan kepada Allah juga penghormatan terhadap ajaran agama. Ia juga dapat melindungi kehormatan diri, menghindari fitnah serta menjaga kesucian tubuh. Menutup aurat bukan sekadar tentang pakaian, tetapi melambangkan ketaatan, ketakwaan, etika dan perlindungan diri. Seperti apa yang disebutkan oleh Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا اٰدَمُ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلَيْكَ لِبَاسًا يُّوْرِى سَوْءَ اَتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسٌ اَلتَّقْوٰى ذٰلِكَ خَيْرٌ ذٰلِكَ مِّنْ
ءَايٰتِ اللّٰهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُوْنَ

Terjemahan: Wahai anak cucu Adam, sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutup auratmu dan perhiasan bagi kamu tetapi pakaian takwa itulah yang terbaik. Demikianlah sebahagian tanda-tanda kekuasaan Allah semoga mereka beringat.

(al-A'raf: 26)

Jelaslah firman Allah di atas, konsep takwa dalam pemakaian ialah yang mengikut cara Islam iaitu menutup aurat, tidak mengundang fitnah serta mampu menjaga tubuh badan daripada sebarang kebinasaan dan kerosakan.

Longgar dan Tidak Ketat

Rekaan baju Melayu yang longgar dan tidak ketat serta menutup punggung menggambarkan evolusi dan perubahan dalam busana tradisional ini. Hal ini kerana pengaruh Islam yang hadir ke Tanah Melayu telah mengubah bentuk asal baju Melayu yang sendat dan pendek. Baju yang longgar dan tidak ketat adalah bagi memastikan aurat terjaga dan tidak dilihat oleh orang lain. Secara tidak langsung ia menggambarkan kesopanan yang mana Islam mengajarkan untuk memilih pakaian yang sopan. Dengan berpakaian longgar dan tidak ketat secara tidak langsung boleh menghindarkan fitnah.

Rekaan baju Melayu yang longgar dan tidak ketat tidak hanya sekadar gaya, tetapi juga mengandungi nilai-nilai tradisi dan makna yang mendalam. Pakaian yang longgar mencerminkan kesederhanaan dan ketakwaan. Pemakaian baju yang longgar dan tidak ketat sesuai dengan nilai-nilai Islam yang mengutamakan kesopanan, kesederhanaan dan menjaga aurat. Seperti perbilangan Melayu-Riau yang berbunyi, "...kibar-berkibar ditiup angin, tidak sempit menyampul nangka ... aib tertutup malu tersimpan, sesuai adat dengan syarak," yang membawa maksud potongan pakaian tidak sendat, longgar serta berpadanan dan mengikut hukum syarak (Tenas Effendy, 2005).

Tidak Mengubah Fitrah Jantina

Dalam etika berpakaian orang Melayu, salah satu ciri-ciri yang dijelaskan oleh Tenas Effendy (2004) ialah pakaian lelaki tidak menyerupai wanita dan wanita tidak menyerupai lelaki. Ini juga selari dengan Sabda Nabi seperti yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA:

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat golongan lelaki yang menyerupai perempuan dan golongan perempuan yang menyerupai lelaki.

(Bukhari)

Jelaslah di sini bahawa lelaki yang menyerupai wanita serta wanita yang menyerupai lelaki walaupun dari sudut pemakaian adalah dosa besar, malah dilaknat Allah SWT dan Rasul-Nya kerana berlawanan dengan fitrah manusia. Oleh hal yang demikian, pakaian kaum lelaki masyarakat Melayu dicipta dengan reka bentuk yang tersendiri dan berbeza dengan kaum wanita. Ini jelas apabila kaum lelaki memakai baju Melayu berserta seluar manakala kaum wanita memakai baju kurung berserta kain sarung.

Imej yang Baik dan Sopan

Dalam memancarkan jati diri Melayu dan Islam, salah satunya adalah daripada cara berpakaian. Dengan rekaan baju Melayu yang penuh dengan citra dan keindahan budaya yang didukungnya, rekaan ini secara tidak langsung dapat membawa imej yang baik dan sopan sesuai dengan apa yang dianjurkan oleh Islam. Jika di awalnya baju Melayu berciri ketat, sendat, pendek serta tidak menutup aurat, tetapi setelah kedatangan Islam berlaku perubahan pada rekaannya dengan imej yang lebih baik dan sopan. Sehingga ke hari ini, ia selesa dipakai sama ada dalam majlis rasmi atau tidak.

Pakaian yang Elok dan Cantik

Rekaan baju Melayu yang elok dan cantik sebenarnya memperlihatkan daya kemapanan dan lambang kecerdikan Melayu. Rekaannya yang berpesak dan berkekek menjadikan baju Melayu boleh dipakai dalam tempoh yang lama selagi muat di badan. Inilah bukti kecerdikan orang Melayu. Diteliti pula dari sudut Islam, ia juga memperlihatkan tanda nikmat Allah selagi tidak timbul sifat yang tidak elok. Jika ada, maka hukumnya berubah menjadi haram. Selari dengan peringatan yang diberikan oleh Baginda SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA:

من لبس ثوب شهرة في الدنيا، ألبسه الله ثوب مذلة يوم القيامة

Terjemahan: Sesiapa yang memakai baju untuk bangga (sifat riyak dan takbur) di dunia maka Allah akan pakaikannya baju yang menghinakan di Hari Kiamat kelak.

Hadis di atas jelas menunjukkan pakaian yang elok dan cantik sangat dituntut dalam Islam dan merupakan nikmat Allah selagi tidak menimbulkan sifat riak dan takbur pada diri si pemakai.

Kesimpulan

Kesimpulannya, baju Melayu merupakan identiti budaya yang mencerminkan kekayaan tradisi dan adat masyarakat Melayu. Ia sememangnya direka dan digayakan mengikut tatacara pakaian Melayu berteraskan Islam. Pemakaian Baju Melayu juga mengambil kira ajaran Islam yang menuntut umatnya menutup aurat serta menjaga maruah si pemakai. Baju Melayu yang longgar dan labuh sesuai dengan kehendak Islam dan pemakaiannya telah lama bertapak dalam masyarakat Melayu sejak Kesultanan Melayu Melaka. Oleh hal yang demikian, rekaan baju

Melayu bukan hanya sekadar gaya, tetapi juga mempunyai makna dan falsafah yang tersirat dan mendalam. Daripada kancing, saku hingga samping, setiap bahagian melambangkan unsur agama seperti Rukun Islam dan Akidah. Melalui pemakaian baju Melayu, masyarakat diajar untuk menutup aurat, menjaga syahwat dan maruah, longgar dan tidak ketat, tidak mengubah fitrah jantina serta elok dan sopan. Maka, rekaan baju Melayu bukan hanya sekadar gaya, tetapi mempunyai makna tersirat yang penuh dengan citra dan nilai-nilai Islam yang penting dalam masyarakat Melayu.

Rujukan

- Abbas Alias, & Norwani Md. Nawawi. (2006). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. Perpustakaan Negara Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Akmal Mohd Zain. (2006). *Halal Dan Haram Dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers
- Aman, A., Ahmad Zakaria, R. M., & Ramli, Z. (2022). Design and Art Elements of The Baju Kurung Malay Community. *KUPAS SENI*, 10, 78-89. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.9.2022>.
- Asliza Aris, Norwani Md. Nawawi dan Saemah Yusof. (2015). Refleksi Islam dalam Pakaian Tradisional Melayu: Baju Kurung. *International Conference on Malay Heritage and Civilisation 2015 (ICOMHAC 2015)*, Langkawi.
- Aszulhida, Aman, Ros Mahwati, Ahmad Zakaria, Zuliskandar Ramli Nurfarahhana Ismail. (2019). Perkembangan dan evolusi pakaian Alam Melayu. *Seminar Antarabangsa Susatera, Bahasa dan Budaya Nusantara 2019*, Langkawi.
- Azri Bhari. (Mei 6, 2024). Tujuh Garis Panduan & Etika. *Harian Metro*.
- Dayang Suhaina Megat Ali. (2012). *Pakaian Tradisional Pelbagai Kaum*. Pustaka Titipan Seni: Shah Alam.
- Harian Metro*. (Jun 26, 2019). Falsafah di Sebalik Ikatan Samping.
- Hasma Ahmad, D'Zul Haimi Md Zain, Rosita Mohd Tajuddin dan Nazirah Mohamad Ba'ai. (2015). Analisis Kandungan Rupabentuk Fesyen Pakaian Melayu di Malaysia. *International Conference on Malay Heritage and Civilisation 2015 (ICOMHAC 2015)*, Langkawi.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2019). *Garis Panduan Etika Berpakaian Bagi Orang Islam Di Premis-Premis Kerajaan Negeri Selangor*. Shah Alam: Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Johan Iskandar. (Mac 13, 2017). *Asal Busana Popular Melayu*. Capaian pada 1 Mei 2024 di <https://www.alammelayu.my/blog/14/asal-busana-popular-melayu/>
- Khairul Anuar Bin Abdul Khalid. (2021). *Hukum Memakai Pakaian Ketat Semasa Aktiviti Berbasikal*. Capaian pada 26 Jun 2024 dari <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4677-al-kafi-1766-hukum-memakai-pakaian-ketat-semasa-aktiviti-berbasikal>.
- Luqman Abdullah. (Mac 3, 2021). *Tutup Aurat Sempurna*. Capaian pada 26 Jun 2024 dari <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/03/680034/tutup-aurat-sempurna>.
- Maziah Ab Rashid. (2005). *Kaedah Tradisional Pembuatan Tekstil Dan Pakaian Melayu Kajian Kes: Pantai Timur*. (Tesis Master), Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohd Rosli Saludin. (2019). *Makna Tersirat Pada Setiap Bahagian Baju Melayu*. Capaian pada 1 Mei 2024 dari <https://iluminasi.com/bm/asal-usul-dan-makna-setiap-bahagian-baju-melayu.html>.
- Muhamad Zuhaili Hj Saiman. (2020). *Islam dan Pemakaian*. Capaian pada 26 Jun 2024 dari <https://harakahdaily.net/index.php/2020/03/16/islam-dan-pemakaian>
- Norulzaila Ismail, Nur Azuki Yusuff & Burhan Che Daud. (2019). Melestarikan elemen Melayu Islam dalam Fesyen Pakaian Masyarakat *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanitie*, 2 (1). pp. 74-84. ISSN 2637-0360

- Omar Ali. (n.d.). *Sejarah Pakaian Tradisional Melayu*. Capaian pada 1 Mei 2024 dari <https://omarali.com.my/sejarah-pakaian-tradisional-melayu/>
- Rahsia Sebalik Butang & Poket Baju Melayu Yang Ramai Orang Sekarang Tak Tahu. (n.d.). Capaian pada 1 Mei 2014 dari <https://www.maskulin.com.my/rahsia-sebalik-butang-poket-baju-melayu-yang-ramai-orang-sekarang-tak-tahu/>.
- Roslinda rahmat. (2024, April 13). Baju Melayu Antara Lambang Kecerdikan Orang Melayu. *Berita Mediacorp*. <https://berita.mediacorp.sg/singapura/berita-baju-melayu-antara-lambang-kecerdikan-orang-melayu-839951>
- Shabana Yusoff, Mohd Iskandar Mohd Yatim & Nor Syamiza Ab Rashid. (2019). *Pemilihan inspirasi Baju Kurung Tradisional menjadi Pakaian Kontemporari Masyarakat*. Jabatan Pendidikan politeknik & kolej Komuniti: Melaka.
- Siti Zainon Ismail (2006). *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Tenas Effendy (2004). *Etika Berpakaian Melayu*. Busana Melaka, Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA).
- Tenas Effendy (2005). *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zahazan Mohamed & Muhammad Zakaria. (2023). *Hadis 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Zakaria, Nor & Azahari, Raihanah. (2022). Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari. *AR-RĀ'ĪQ*. 5. 20-74. 10.59202/riq.v5i1.470.